

Headline	200 kayuh basikal		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	02 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	25	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	Mohd Azam Shah Yaacob	AdValue	RM 6,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,500



200 kayuh basikal

>>Oleh MOHD AZAM SHAH YAACOB

mohdazam@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hampir 200 pengayuh basikal amatur dan profesional menyertai program berbasikal 'Ride To Save Lives' (Berbasikal Untuk Menyelamatkan Nyawa) dalam memupuk kesedaran masyarakat mengenai HIV/Aids.

Program anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) dengan kerjasama Media Prima Berhad (Media Prima) itu diadakan sempena Hari Aids Sedunia yang disambut 1 Disember setiap tahun.

Pengerusi BSMM, Datuk Dr Noordin Abdul Razak berkata, penganjuran program berbasikal itu diadakan berikutan statistik penghidap HIV/Aids yang makin meningkat, sama ada di negara ini mahupun di seluruh dunia.

Katanya, menerusi program berbasikal ini penyebaran maklumat kepada masyarakat lebih mudah di-



SEMANGAT... peserta menunggang basikal sempena Hari Aids Sedunia.

sampaikan berikutan faktor aktiviti berkenaan yang pasti menarik untuk disertai.

"Jika kita melihat kepada situasi sekarang, kes membabitkan HIV/Aids semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Peningkatan pesakit HIV/Aids sangat membimbangkan dan atas dasar itu kita mahu masyarakat tidak lupa mengenai kewujudannya dan sentiasa mengambil langkah untuk mencegah dan merawatnya," katanya

selepas acara pelepasan peserta di perkarangan Sri Pentas, Bandar Utama, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi, Perkhidmatan Bersama, Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Kamal Khalid dan bekas pelumba kebangsaan, M Kumareshan.

Menurutnya, program berbasikal itu kali pertama diadakan dan berharap dapat diteruskan sebagai aktiviti tetap PBSMM.